

SPRM bebas siasat semua parti politik - Anwar

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD.NOOR**
utusannews@mediamulia.com.rmy

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bebas untuk menyiasat mana-mana parti politik dan tidak terbatas kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sahaja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan langsung tidak campur tangan dalam siasatan terbabit kerana ia dilakukan selepas ada laporan dibuat.

“Kita (kerajaan) tidak menggunakan badan-badan ini, kerana siasatan ke atas Bersatu dibuat selepas adanya laporan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SPRM mengenai penggunaan wang oleh Bersatu,” kata beliau pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di sini semalam.

Oleh itu kata Anwar, pemimpin Bersatu harus menjelaskan kepada pihak berkuasa bagaimana parti itu boleh mengumpul dana mencecah RM300 juta dalam masa singkat.

Beliau menegaskan, siasatan dan pembekuan akaun



ANWAR Ibrahim bersama beberapa menteri selepas mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Bersatu oleh SPRM tidak melibatkan campur tangan kerajaan

“Siasatan yang dilakukan SPRM ketika ini menjurus kepada akaun parti itu yang kini mencecah RM300 juta. Ia harus dijelaskan pimpinan parti berkenaan sekiranya mereka benar-benar bersih.

“Parti itu perlu menjelaskan kepada badan penyiasat mengapa dalam masa singkat mere-

ka boleh mengumpul wang begitu banyak. Dari sumber mana an kepada siapa,” katanya.

Menurut beliau, SPRM boleh melakukan siasatan kepada semua parti dan tidak terbatas kepada Bersatu semata-mata.

Selain itu, Anwar berkata, sebagai Menteri Kewangan beliau turut mendapati ada projek-projek yang dilaksanakan ketika pentadbiran Bersatu

menelan belanja terlalu tinggi kerana ia tanpa proses tender.

“Antaranya, projek Jana Wibawa yang dilaksanakan parti itu ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan projek tebatan banjir yang turut menelan kos terlalu tinggi.

“Jika projek melalui proses tender maka, kos tidak akan melambung tinggi malah, ia juga tidak akan menjadi isu,” kata beliau.